

UiTM kuasai fasa satu Masum

KOSMO, 18 MEI 2006, M/S 56

TUAN rumah, Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengungguli fasa I temasya Sukan Antara Universiti Malaysia (Sukan Masum) 2006 yang berakhir kelmarin dengan meraih 15 emas, enam perak dan 15 gangsa.

Mengekori rapat ialah Universiti Malaya (UM) yang memungut 14 emas, 11 perak dan 11 gangsa.

Universiti Putra Malaysia (UPM) pula di tempat ketiga dengan kutipan tujuh emas, lima perak dan tujuh gangsa.

Semua acara yang dipertandingkan dalam fasa I Sukan Masum 2006 ini termasuklah bola tampar (lelaki/wanita), bola jaring, futsal (l/w), hoki wanita, kayak, memanah, mendayung, pencak silat, softball (l/w), tenis (l/w) dan sukan pertunjukkan, frisbee.

Semalam telah berlangsung saingan fasa II iaitu bola keranjang (l/w), catur (l/w), ping pong, taekwondo, ragbi, boling padang (l/w), kriket dan golf.

Bagi acara catur kategori lelaki, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mendahului dengan mengumpul enam setengah mata, diikuti UM yang memperoleh enam mata serta Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan lima mata.

Catur kategori wanita pula menyaksikan persaingan sengit dari setiap universiti yang mengambil bahagian dengan UiTM dan UM berkongsi kedudukan pendahulu apabila masing-masing meraih lima setengah mata.

UPM, UTM dan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), berkongsi tempat kedua dengan pungutan lima mata dan tempat ketiga dimiliki pasukan UKM dan Universiti Sains Malaysia (USM) dengan tiga mata.

Bagi perlawanan ping pong lelaki di sebelah pagi, UiTM menewaskan UPM 3-2; UKM mengalahkan UTM



ACARA bola keranjang mula dipertandingkan semalam.

3-2, USM menundukkan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) 4-1 dan UM membenam Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn (Kuittho) 5-0.

Manakala bagi ping pong wanita, USM mengalahkan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) 3-0; UTM menang tipis 2-1 ke atas UKM; UM mengalahkan Universiti

Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 3-0 dan UPM menumpaskan Universiti Utara Malaysia (UUM) juga 3-0.

Bagi perlawanan bola keranjang

KEDUDUKAN PINGAT

UNIVERSITI	EMAS	PERAKI	GANGSA
UiTM	15	6	15
UM	14	11	11
UPM	7	5	7
UTM	5	7	7
UKM	5	5	2
UPSI	4	1	9
Kuittho	2	4	6
UUM	1	3	3
KUIM	1	2	2
Kussem	1	1	2
USM	0	5	0
UIAM	0	4	2
UNITEN	0	1	2
UNIMAS	0	1	1
UMS	0	0	0
Kulitem	0	0	0
KUKUM	0	0	0
KUTKM	0	0	0

lelaki pula, UPM mudah menundukkan USM 72-37 dan UTM mengalahkan Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) 63-26.

Dalam saingan kategori wanita, USM mencatat kemenangan ke atas tuan rumah, UiTM 63-21 dan UM menewaskan UTM 48-41.

Semua perlawanan untuk pusingan ketiga akan berlangsung hari ini.

Temasya Sukan Masum akan berlangsung sehingga 22 Mei ini. Sebanyak 18 kontinjen termasuk sebuah universiti swasta, Universiti Tenaga Nasional (Uniten) mengambil bahagian pada temasya tahun ini.

Malam tadi telah berlangsung Majlis Makan Malam Sukan Masum 2006 bertempat di Padang Kawad, UiTM Shah Alam.

Majlis dirasmikan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham Baba.